

03 DEC 1998

KAKITANGAN KERAJAAN PERLU IKHLAS, KATA SHAHIDAN

KANGAR, 3 Dis (Bernama) -- Kakitangan kerajaan di negeri ini diseru supaya sentiasa ikhlas, jujur dan amanah semasa menjalankan tugas dengan menanam sikap kesetiaan sejati kepada kerajaan yang membayar gaji mereka.

Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, kakitangan kerajaan juga harus sedar betapa mereka bernasib baik berbanding kakitangan kerajaan di sesetengah negara lain kerana tidak terbabit dengan tindakan pemotongan gaji atau pempuangan pekerja akibat kegawatan ekonomi sekarang.

"Malah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengumumkan keputusan kerajaan untuk memberi bantuan RM400 seorang kepada semua kakitangan kerajaan sebagai menggantikan bonus," katanya pada majlis Jamuan Makan Malam dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kakitangan Majlis Perbandaran Kangar (MPK) di Dewan Sivik Arau, di sini malam tadi.

Katanya, pemberian bantuan itu membuktikan betapa pekanya kerajaan kepada kakitangan kerajaan terutama mereka yang berpendapatan rendah untuk meringankan beban mereka.

Terdahulu, ketika berucap Yang Dipertua MPK, Datuk Johari Mohd Darus berkata peranan MPK sekarang lebih mencabar bagi memastikan sasaran menjadikan Perlis sebagai "Negeri Bandar" menjelang tahun 2020 tercapai.

Pada majlis itu, 22 kakitangan menerima anugerah khidmat cemerlang termasuk seorang pembantu am rendah, Mazli Mahmud, 26 kerana sifat amanahnya mengembalikan sekeping cek bernilai RM12,000 yang dijumpainya di hadapan bangunan MPK di sini lima bulan lalu kepada pemiliknya.

-- BERNAMA

RIS RHM